

## **INFO PROGRAM TUNAS MEKAR** **Anjuran Bersama ICU JPM dan UITM**

### **MAKLUMAN TERKINI:**

Sejumlah RM 7 million telah diperuntukkan kepada ICU JPM menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Kedua untuk pelaksanaan program Tunas Mekar tahun 2009. Selari dengan teras pertama PRE untuk mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan, seramai **500 orang graduan** telah disasarkan bagi pelaksanaan program pusingan kedua yang bermula di Negeri-negeri **Pulau Pinang, Melaka, dan Selangor.**

Program di **Pahang dijadual bermula pada 3 Jun** dan seterusnya **urusan pengambilan dan padanan (antara graduan dan usahawan serta bidang) di lain-lain negeri** (termasuk Sabah dan Sarawak) **adalah di sepanjang bulan Jun 2009.**

Seperti mana saranan mantan Perdana Menteri YABhg Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi supaya program ini diperluaskan ke seluruh negara, dan berdasarkan pengalaman program pusingan pertama yang mendapati peserta/graduan berjaya memulakan perniagaan sendiri dalam masa setahun setelah mengikuti program Tunas Mekar, maka untuk program pusingan kedua:

- penyertaan dibuka kepada semua **graduan baru IPTA dan IPTS terpilih,**
- Syarat kemasukkan ialah **sekurang-kurangnya berkelulusan Diploma** serta berminat dalam bidang perniagaan,
- Tempoh pelaksanaan program **dipendekkan ke 12 bulan sahaja** memandangkan.

### **LATAR BELAKANG:**

**Program Tunas Mekar** mula diperkenalkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) di Pulau Pinang pada 19 Mei **2005** berasaskan kepada cetusan idea *wealth creation* oleh mantan Perdana Menteri YABhg Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi.

Tujuan Program Tunas Mekar adalah ke arah **melahirkan lebih ramai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** Bumiputera; serta yang **berdaya-tahan dan berdaya-saing**.

Entiti awal pelaksanaan program adalah secara **perkongsian bestari** melalui penglibatan bersepadu sekurang-kurangnya **enam pihak** berikut:

- **Graduan UiTM** yang berpotensi dan berminat untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya;
- Para **Pengusaha IKS Bumiputera** terutamanya dari kawasan luar bandar;
- **Panel Penasihat** dari pelbagai Agensi seperti MARA, SMIDEC, LKIM, MARDI, Jabatan Pertanian,
- **Pensyarah UiTM** dalam bidang Perniagaan dan Keusahawanan yang bertindak memilih graduan, membuat padanan, menjadi Kaunselor, memantau kemajuan pengusaha dan graduan; dan
- **ICU JPM** dan **Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)** sebagai Pembimbing, Penyelaras dan Pemantau Pelaksanaan Program termasuklah membayar elaun sara hidup bagi graduan membiayai kehidupan; serta
- **Institusi Pembiayaan** seperti PUNB, MARA, SME Bank, Agro Bank, TEKUN dll untuk pembiayaan bagi memulakan perniagaan; dan sebagai panel penasihat kepada graduan dan pengusaha Tunas Mekar.

Pendekatan perkongsian bestari Program Tunas Mekar ialah berkonsepkan sistem mentor-mentee di mana graduan ditempatkan di premis perniagaan Pengusaha sebagai **Perantis** untuk **tempoh antara 12 hingga 24 bulan** (pusingan pertama) dan tempoh maksimum selama 12 bulan (pusingan kedua). Secara puratanya nisbah penempatan ialah 1 Usahawan 2 Graduan.

Sistem mentor-mentee yang dilaksanakan adalah **ala program sangkutan** di mana rutin harian Graduan ialah **membantu dalam pengurusan perniagaan/keusahawanan Pengusaha IKS**. Bantuan adalah dalam aspek **gunatenaga dan juga teknik pengurusan moden sambil mempelajari ilmu pengetahuan dan budaya keusahawanan secara praktikal**.

Ke arah memaksimumkan keberkesanan program, pelaksanaan adalah secara sistematik dan telus melalui proses-proses berikut:

- **Pemilihan** (graduan dan usahawan serta bidang keusahawanan seperti Perkhidmatan, Pertanian, Penternakan, Katering, Perladangan, Andaman dll). Asas pemilihan adalah di kalangan graduan yang berminat serta memiliki watak Usahawan,
- **Pemadanan** (minat dan potensi Graduan serta persetujuan Pengusaha untuk memberi bimbingan) termasuklah samada bidang perniagaan yang dipohon oleh graduan berpadanan dengan potensi diri, saiz pasaran dan juga masa hadapan,
- **Tawaran syarat / Aku-janji** (oleh ICU JPM/PPN) ke arah memaksimumkan impak dan keberkesanan program,
- **Pelancaran** iaitu program penempatan dan penyerahan rasmi graduan kepada Usahawan,
- **Pelaksanaan** program sangkutan dan latihan secara praktikal oleh graduan di premis perniagaan Usahawan, dan
- **Pelaporan dan penilaian** semasa dan selepas tamat program melalui aktiviti dan kaunseling oleh para Kaunselor dan Pegawai Kemajuan Negeri.

#### **IMPAK PROGRAM:**

Sehingga awal tahun 2009, Program Tunas Mekar anjuran ICU JPM bersama UiTM telah disertai oleh seramai 237 orang Pengusaha dan 222 orang Graduan. Daripada jumlah tersebut seramai 103 orang Graduan telah pun memiliki perniagaan sendiri. Antara sektor perniagaan yang diceburi oleh graduan Tunas Mekar ialah:

- Restoran dan Katering

- Peruncitan
- Khidmat Pembersihan
- Pembinaan
- Fotografi
- Khidmat Kecantikan/Andaman
- Percetakan
- Jualan dan Khidmat Komputer
- Khidmat TADIKA dan Jagaan Kanak-kanak
- Penternakan; dan
- Bengkel Pemotoran; dan
- Pengurusan Acara

#### **KAJIAN IMPAK:**

Analisis tahap kepuasan Kaji Selidik di kalangan para peserta yang dijalankan oleh ICU JPM pada tahun 2007 mendapati penemuan yang positif dan sekata di kalangan kedua pemain utama Program Tunas Mekar seperti peratusan persetujuan berikut:

##### **A. GRADUAN:**

- 96% - Program membantu penyediaan diri sebagai usahawan
- 74% - Program mencapai matlamat; dan
- 99% - Program wajar diteruskan.

##### **B. PENGUSAHA:**

- 74% - Program membantu tingkatan prestasi syarikat
- 86% - Program adalah memuaskan; dan
- 99% - Program wajar diteruskan

Keberkesanan Program Tunas Mekar dalam mewujudkan hubungan antara Ushawan IKS dan Graduan diperkukuhkan oleh penemuan Kajian Impak yang dijalankan oleh UiTM di mana 90% Pengusaha menyatakan program ini telah menyumbang kepada peningkatan prestasi syarikat; dan 95% Graduan menyatakan yang program inii membantu mereka memilih keusahawanan sebagai kerjaya.

**PENUTUP:**

Secara keseluruhannya, keberkesanan program Tunas Mekar dalam mewujudkan Usahawan di kalangan graduan adalah tidak dinafikan di mana %an peserta yang memulakan perniagaan adalah melebihi 60% daripada kadar pengwujudan graduan baru oleh UiTM .

Seksyen Perhubungan Awam  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan  
Jabatan Perdana Menteri

Mei 2009



# JOM JADI USAHAWAN!

## JADIKAN BIDANG PERNIAGAN KERJAYA PILIHAN

Program Tunas Mekar melahirkan lebih ramai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berdaya-tahan dan berdaya-saing. Program ini memberi peluang kepada graduan untuk meneroka pelbagai bidang perniagaan. Berintegrasikan pengetahuan akademik dengan pengalaman perniagaan. Tunas Mekar pastinya menjadi batu loncatan untuk menjadi seorang usahawan berjaya.

Pendekatan Program Tunas Mekar ialah berkonsepkan sistem mentor-mentee di mana graduan IPTA/IPTS ditempatkan di premis perniagaan Pengusaha sebagai Perantis selama 12 bulan. Dalam tempoh ini, graduan dan usahawan akan sama-sama membangunkan perniagaan ke tahap yang lebih cemerlang.

Penyertaan dibuka kepada semua graduan IPTA dan IPTS terpilih sekurang-kurangnya berkelulusan Diploma serta berminat dalam bidang perniagaan.

Borang Permohonan Penyertaan Tunas Mekar boleh dimuat turun dari laman: [www.icu.gov.my](http://www.icu.gov.my) atau [www2.uitm.edu.my/hep/ppisa/index.php](http://www2.uitm.edu.my/hep/ppisa/index.php). Untuk keterangan lanjut mengenai Program Tunas Mekar, sila hubungi:

**Bahagian Khas**  
**Unit Penyelarasan Pelaksanaan**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
Aras 3, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
62502 Putrajaya  
Tel : 03 – 8872 3972 / 3973 / 3974  
Emel : [amir.mahyidin@icu.gov.my](mailto:amir.mahyidin@icu.gov.my)  
[zahirie@icu.gov.my](mailto:zahirie@icu.gov.my)  
[salmiyati.raus@icu.gov.my](mailto:salmiyati.raus@icu.gov.my)

**Pejabat Tunas Mekar**  
**Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni**  
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Tel : 03 – 5544 3565 / 3769 / 3699

Iklan ini dikeluarkan oleh :





### Borang Penyertaan Program Tunas Mekar

Nama :	
Alamat :	
Bandar :	
Negeri :	Poskod :
Umur :	Jantina :
Taraf Perkahwinan :	
Tarikh Lahir :	No K/P :
No Tel :	No Tel Bimbit :
Email :	
Universiti :	Fakulti :
Kampus :	
Bidang :	
HPNG :	Tahun Lulus :
Bidang Keusahawanan Yang Diminati :	
Aktiviti Keusahawanan Yang Pernah Dijalankan Ketika Belajar :	

Sila kembalikan borang yang telah disempurnakan kepada:

zahirie@icu.gov.my  
salmiyati.raus@icu.gov.my